

Najib Ketepikan Cuti Tahunan Pastikan Volkswagen Melabur Di Malaysia
Bernama
25 April, 2013

PEKAN, 25 April (Bernama) -- Pengarah Urusan Kumpulan DRB-Hicom Berhad, Datuk Seri Mohd Khamil Jamil hari ini berkata Datuk Seri Najib Tun Razak sanggup mengeneppikan masa cuti tahunannya, untuk menemui pengurusan Volkswagen di Eropah bagi meyakinkan mereka melabur di Malaysia.

Mohd Kamil berkata tanpa sokongan dan bantuan Perdana Menteri, usaha sama DRB Hicom dan Volkswagen untuk pengeluaran kereta Volkswagen bagi pemasangan tempatan atau CKD, mungkin tidak akan berjaya.

"Kalau tidak kerana campur tangan Perdana Menteri, mungkin Volkswagen tidak akan ke mari dan terlepaslah peluang DRB-Hicom dan industri automatif negara," katanya ketika berucap pada majlis Ramah Mesra Warga DRB-Hicom bersama Perdana Menteri, di sini, hari ini.

Beliau berkata pada mulanya Volkswagen telah mengenal pasti satu kawasan industri di Samut Prakat, Thailand untuk kilang CKD mereka di rantau ini.

Mohd Kamil berkata hasil campur tangan Perdana Menteri, usaha sama DRB-Hicom dan Volkswagen itu menjadi kenyataan pada Mac tahun lepas.

"Mungkin ramai yang tidak tahu kejayaan tersebut tidak akan berjaya tanpa sokongan dan bantuan Perdana Menteri.

"Beliau telah mengeneppikan masa cuti pertengahan tahun 2010 untuk bertemu dengan pengurusan Volkswagen di Eropah bagi meyakinkan mereka agar berusaha sama dengan kita," katanya.

Katanya, hasil perbincangan itu, Volkswagen telah menandatangani perjanjian dengan DRB-Hicom di Singapura dan bersetuju untuk bekerjasama bagi mengeluarkan kereta Volkswagen di sini untuk negara-negara Asean.

"Mana boleh kita cari seorang pemimpin yang amat prihatin dan sanggup mengeneppikan cuti beliau untuk kepentingan rakyat," katanya.

Selain itu katanya, Perdana Menteri turut memberi sokongan padu untuk pembangunan Kolej Automotif Antarabangsa (ICAM) di sini dalam usaha melahirkan pakar automotif tempatan yang berpengetahuan tinggi dalam industri automotif bagi mengembangkan industri automotif Malaysia.

Katanya, Kampus ICAM yang terletak di Kompleks Automotif DRB-Hicom Pekan kini dalam pembinaan dan dijangka siap menjelang suku tahun ketiga tahun ini.

Beliau berkata, ICAM juga telah mengukuhkan kedudukan Pekan sebagai Hab Automotif Negara di bawah inisiatif Wilayah Ekonomi Pantai Timur (ECER).

"Selaras dengan Program Transformasi Ekonomi (ETP) ICAM diharap berkemampuan untuk menyokong satu daripada 12 bidang Ekonomi Negara (NKEA) dengan menjadikan pendidikan sebagai pemacu aktiviti ekonomi negara," katanya.

Perdana Menteri ketika berucap pada majlis itu berkata apa yang dilakukannya itu adalah bagi memastikan rakyat mendapat manfaat besar daripada pelaburan luar selaras menjadikan Malaysia, khususnya Pekan sebagai hab automatif terunggul di rantau ini.

Beliau berkata difahamkan, Volkswagen juga dijangka membuat pelaburan tambahan RM600 juta di Pekan.

Najib berkata kejayaan industri automatif di Pekan adalah hasil gabungan DRB-Hicom dan dasar kerajaan Barisan Nasional dalam membawa perubahan besar bagi memacu pertumbuhan ekonomi di Pekan, yang akhirnya memberi manfaat kepada seluruh rakyat.

Najib berkata kerajaan sentiasa mengambil pendekatan membantu "orang berniaga" menerusi pelbagai insentif bagi menarik pelaburan luar ke negara ini.

Kejayaan DRB-Hicom di Pekan yang menarik kerjasama dengan pelbagai gergasi automatif membuktikan kerjasama itu berjaya membawa kemakmuran untuk dinikmati rakyat.

-- BERNAMA

Copyright © 2013 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=945076>